

**MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN  
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
BILANGAN 1 TAHUN 2025**

---

**Tarikh : 23 April 2025 (Rabu)**

**Masa : 9.00 pagi – 10.00 pagi**

**Tempat : Bilik Mesyuarat Perdana, Aras 7  
Jabatan Wilayah Persekutuan**

**Pengerusi: YBhg. Datuk Seri Noridah binti Abdul Rahim  
Ketua Pengarah  
Jabatan Wilayah Persekutuan**

**Kehadiran: Seperti di Lampiran A1**

**1. PERUTUSAN YBHG. DATUK SERI PENGERSU**

- 1.1 YBhg. Datuk Seri Pengersusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam serta mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat pada hari ini.
- 1.2 YBhg. Datuk Seri Pengersusi merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah atas komitmen dan dedikasi barisan Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP Sesi 2023/ 2024 yang telah tamat tempoh perkhidmatan pada tahun 2024 atas kesungguhan dalam membawa usul-usul pihak pekerja bagi tujuan penambahanbaikan Jabatan ini khususnya dan perkhidmatan awam umumnya.
- 1.3 YBhg. Datuk Seri Pengersusi turut mengucapkan tahniah kepada 14 orang pegawai atas pelantikan sebagai Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP Sesi 2025/ 2026. Pelantikan ini adalah melalui kaedah pengundian yang telah dilaksanakan berdasarkan gred jawatan yang diwakili oleh pegawai.
- 1.4 YBhg. Datuk Seri Pengersusi berharap supaya Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP Sesi 2025/ 2026 ini dapat meneruskan momentum sebelum ini dalam membawa cadangan serta idea baharu kepada Pihak Pengurusan JWP, menyumbang kepada

pewujudan suasana kerja yang selesa dan kondusif dan seterusnya membawa MBJ JWP kepada tahap yang lebih cemerlang.

- 1.5 Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa sepanjang tahun 2024, sebanyak lapan (8) usul telah dibawa ke Mesyuarat MBJ JWP untuk dibincangkan. Daripada jumlah tersebut, hampir kesemua usul telah dipertimbangkan dan dilaksanakan. Situasi ini menunjukkan bahawa Pihak Pengurusan JWP sentiasa terbuka kepada cadangan-cadangan penambahbaikan yang dikemukakan oleh pihak pekerja ke arah mewujudkan situasi kerja yang menyeronokkan dalam kalangan warga JWP.
- 1.6 YBhg. Datuk Seri Pengerusi mencadangkan supaya peranan Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP dapat diperkasakan lagi bukan hanya berperanan membawa usul daripada pihak pekerja semasa Mesyuarat MBJ JWP sahaja. Sebagai contoh, Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP boleh mengadakan pertandingan bagi mendapatkan idea atau inovasi baru dalam kalangan pihak pekerja untuk diketengahkan bagi menambahbaik ekosistem kerja di JWP.
- 1.7 Mesyuarat mengambil maklum bahawa Mesyuarat *Pre-Council* MBJ JWP Bilangan 1 Tahun 2025 telah diadakan pada 25 Mac 2025. Wakil Pihak Pekerja telah membawa **13 usul**. Daripada jumlah tersebut, **lapan (8)** usul telahpun dipersetujui untuk diselesaikan secara pentadbiran dan **tiga (3)** usul digugurkan seperti di **Lampiran A2**.
- 1.8 YBhg. Datuk Seri Pengerusi memaklumkan bahawa terdapat **dua (2) usul baru** yang akan dibincangkan dalam mesyuarat kali ini mengikut kategori seperti berikut:

KATEGORI USUL	BILANGAN USUL
Sumber Manusia	1
Lain-Lain	1

- 1.9 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Mesyuarat MBJ merupakan KPI TKSUK JPM dan JWP perlu memastikan mesyuarat diadakan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Bagi pencapaian tahun 2024, JWP telah berjaya melaksanakan Mesyuarat MBJ sebanyak tiga (3) kali dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.
- 1.10 Seterusnya, YBhg. Datuk Seri Pengerusi turut memaklumkan beberapa perkara seperti berikut:

**A. PENGAUDITAN NILAI BAGI SPAN 2.0 PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2025**

- i. Mesyuarat dimaklumkan bahawa Pengauditan Nilai bagi SPAN 2.0 Perkhidmatan Awam tahun 2025 akan bermula pada 1 September 2025 sehingga 30 November 2025 melalui Inventori Sistem Audit Nilai (iNSAN). Selaras dengan perkara tersebut, pelaksanaan Pengauditan Nilai 2025 bagi Maklum Balas Pelanggan di JWP bermula pada 14 April 2025 sehingga 30 November 2025.
- ii. Justeru, kerjasama Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP adalah dimohon untuk mengingatkan pegawai di gred yang diwakili untuk menjawab **Maklum Balas Pelanggan** yang merupakan salah satu elemen penilaian di dalam pelaksanaan SPAN 2.0. Pemberitahuan berhubung perkara ini telah dimaklumkan kepada warga JWP melalui emel pada 10 April 2025.

**MAKLUMAN**

**B. PELAKSANAAN KAJIAN PEMBUDAYAAN KESERONOKAN BEKERJA SEKTOR AWAM TAHUN 2025**

- i. Mesyuarat seterusnya dimaklumkan bahawa keseronokan bekerja merupakan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam 2024 – 2030 di bawah Bidang Keberhasilan Reformasi 3, Strategi Keberhasilan Reformasi 4. Garis

Panduan Pembudayaan Keseronokan Bekerja Sektor Awam telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan diedarkan ke semua agensi pada 9 Disember 2024 yang lalu bagi menjelaskan komponen dan inisiatif pembudayaan keseronokan bekerja ke arah mewujudkan pegawai awam dan organisasi yang sejahtera serta berprestasi tinggi.

- ii. Rentetan itu, YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara telah mengarahkan agar kajian impak pelaksanaan inisiatif pembudayaan keseronokan bekerja dilaksanakan dan dilaporkan dalam mesyuarat Pasukan Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) tahun 2025. Kajian ini melibatkan pegawai awam di semua Kementerian, Suruhanjaya Perkhidmatan, Jabatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.
- iii. Surat Arahan Pelaksanaan Kajian Pembudayaan Keseronokan Bekerja Sektor Awam Tahun 2025 bertarikh 26 Mac 2025 telah diedarkan kepada semua Kementerian dan Jabatan. Dalam hal ini, Ketua Jabatan adalah dikehendaki untuk memastikan semua warga agensi daripada pelbagai gred dan kumpulan perkhidmatan untuk melibatkan diri dan melengkapkan kajian tersebut.
- iv. Sehubungan itu, semua Pegawai Perkhidmatan Awam dikehendaki melengkapkan kajian ini mulai **7 April hingga 9 Mei 2025**. Pemberitahuan mengenai pautan kajian ini telah dimaklumkan kepada warga JWP melalui emel bertarikh 10 April 2025 dan peringatan melalui *whatsapp group KESWIP Channel (Official)* turut dilaksanakan dari semasa ke semasa.
- v. Kerjasama Pengarah Bahagian serta Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP adalah dimohon untuk mengingatkan semua pegawai untuk menjawab kajian tersebut dalam masa yang telah ditetapkan.

## MAKLUMAN

**C. PENGEMASKINIAN MyPORTFOLIO DAN JOB DESCRIPTION**

- i. Mesyuarat dimaklumkan bahawa selaras dengan pelaksanaan Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA), terdapat keperluan bagi semua pegawai untuk mengemaskini MyPortfolio dan *Job Description* (JD)/ Deskripsi Tugas masing-masing.
- ii. Pengemaskinian maklumat MyPortfolio dan JD ini boleh dilaksanakan dalam sistem HRMIS sebaik sahaja waran perjawatan SSPA diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan lengkap dikemaskini oleh pentadbir dalam sistem HRMIS. Kelulusan waran dijangka akan dikeluarkan oleh Kementerian kewangan selewat-lewatnya pada 30 Mei 2025.
- iii. Pihak BKP akan memaklumkan berhubung perkara ini dari semasa ke semasa. Justeru, semua pegawai adalah dimohon untuk bersedia dan mengambil perhatian berhubung perkara ini.

**MAKLUMAN**

**2. UCAPAN BALAS PENGERUSI WAKIL PIHAK PEKERJA MBJ JWP**

- 2.1 Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP mengucapkan salam kepada semua ahli mesyuarat yang hadir serta turut menyampaikan salam Pengerusi Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP, YBhg. Datin Zakiah Syerina Balqis binti Taha yang tidak dapat hadir dalam mesyuarat kali ini kerana komitmen kerja di WP Labuan.
- 2.2 Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP turut merakamkan ucapan penghargaan kepada YBhg. Datuk Seri Pengerusi atas kepercayaan untuk melantik Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP Sesi 2025/ 2026 yang baharu. Ucapan terima kasih turut ditujukan juga kepada Pihak Pengurusan JWP, pihak KESWIP dan PUSPANITA atas usaha dan bantuan untuk menyelesaikan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh pihak pekerja sebelum ini.

- 2.3 Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP memaklumkan bahawa pelantikan sebagai Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP merupakan satu amanah besar dan akan cuba sedaya upaya untuk memainkan peranan dengan sehabis baik.
- 2.4 Mesyuarat seterusnya mengambil maklum bahawa Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP akan membawa dua (2) usul daripada pihak pekerja JWP yang telah diperhalusi bersama urus setia MBJ pada 25 Mac 2025. Walaupun usul-usul yang diketengahkan ini kelihatan bersifat operasi pentadbiran dan mikro, namun berbekalkan amanat YBhg. Datuk Seri Pengurus yang menekankan keperluan untuk memahami warga JWP sebagai sebuah keluarga dan usul-usul yang dicadangkan hendaklah disantuni untuk pertimbangan ahli mesyuarat.
- 2.5 Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP juga berharap supaya pihak pengurusan dan pihak pekerja dapat bersatu dalam menyelesaikan isu dan permasalahan pihak pekerja demi membolehkan keluarga besar JWP bergerak ke arah mencapai objektif dan matlamat organisasi secara bersepadu dan bersama. Keseimbangan di antara memenuhi KPI MBJ dan juga menguruskan usul yang diberikan perlulah dicapai. Sesuatu usul yang dicadangkan adalah penting kepada gred berkaitan sehingga perkara tersebut dibawa untuk dibincangkan di pelbagai peringkat dan dikaji sebelum sampai ke Mesyuarat MBJ.
- 2.6 Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP juga memaklumkan bahawa dengan sokongan, panduan dan dukungan daripada Pihak Pengurusan JWP dalam merealisasikan idea-idea bernes daripada pihak pekerja pasti dapat memantapkan lagi prestasi JWP pada masa hadapan.

## **MAKLUMAN**

### **3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MBJ JWP BIL. 2/2024**

Minit Mesyuarat MBJ JWP Bil. 3/2024 pada 22 November 2024 telah disahkan tanpa sebarang pindaan.

## **4. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

### **4.1 Mengkaji Semula Masa Untuk Sesi X-Break/ Senaman Ringan Pada Waktu Yang Lebih Sesuai**

4.1.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa kerjasama dan sumbangan idea daripada pihak MBJ JWP untuk mempelbagaikan jenis senaman ringan dalam bentuk audio bagi sesi *X-Break* di JWP sangat dialu-alukan. Dalam hal ini, BKP telah mengemukakan permohonan kepada MSWP untuk mendapatkan bantuan bagi mempelbagaikan aktiviti senaman dan regangan ringan bagi sesi *X-Break* dan pihak MSWP dalam proses menyediakan audio tersebut dan telah dikemukakan kepada BKP pada 16 Januari 2025. Pelancaran audio *X-Break* terbaharu dengan kerjasama MSWP telah dilaksanakan pada 27 Januari 2025.

### **MAKLUMAN**

### **4.2 Menyediakan Capaian Maklumat-Maklumat Berkaitan MBJ di Laman Web Rasmi JWP**

4.2.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP telah berbincang dengan BPM bagi mendapatkan bantuan teknikal untuk mengemaskini maklumat berkaitan MBJ seperti Perlembagaan MBJ, Carta Organisasi, aktiviti MBJ, borang usul, minit mesyuarat dan sebagainya di laman web JWP.

### **MAKLUMAN**

### **4.3 Logo MBJ JWP**

4.3.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa logo MBJ JWP telah ditambahbaik berdasarkan komen dan pandangan daripada ahli mesyuarat dan telah dikemukakan pada Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP untuk dipanjangkan ke gred masing-masing pada 26 Disember 2024.

### **MAKLUMAN**

#### **4.4 Pelantikan Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP Sesi 2025/ 2026**

4.4.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa calon-calon Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP Sesi 2025/ 2026 telah disenarai pendek melalui undian dan dipanjangkan kepada urus setia MBJ JWP bagi tujuan tapisan keutuhan dan tata tertib. Surat pelantikan sebagai Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP Sesi 2025/ 2026 bertarikh 16 Januari 2025 telah disampaikan kepada pegawai yang terpilih.

#### **MAKLUMAN**

### **5. USUL BAHARU MESYUARAT MBJ JWP BIL. 3/2024**

#### **5.1 Hari Melawat Bahagian/ Unit di JWP**

5.1.1 Mesyuarat mencadangkan supaya diadakan satu (1) program lawatan ke setiap Bahagian/ Unit di JWP. Ini adalah bagi memberi peluang kepada pegawai dari Bahagian/ Unit lain untuk mengetahui fungsi, aktiviti, program, bidang tugas dan peranan setiap Bahagian/ Unit di JWP.

5.1.2 Lawatan ini juga dapat memberi gambaran awal berkaitan bidang tugas yang berkaitan kepada pegawai sekiranya berminat untuk bertukar secara dalaman ke Bahagian/ Unit lain di JWP.

5.1.3 Mesyuarat bersetuju supaya:

- (i) Kaedah pelaksanaan program lawatan perlu dibincangkan dan diselaraskan oleh Pengarah Bahagian/ Ketua Unit; dan
- (ii) Pelaksanaan program adalah secara penggiliran dan taklimat yang disampaikan semasa program lawatan perlu mencakupi fungsi Bahagian/ Unit supaya semua pegawai di JWP mengetahui dan memahami peranan setiap Bahagian/ Unit di JWP.

**TINDAKAN: PIHAK PEGAWAI &  
WPP MBJ JWP**

## **5.2 Memberi Anugerah Kepada Pekerja Yang Tidak Pernah Cuti Sakit Dalam Tahun Tersebut**

- 5.2.1 Mesyuarat mengambil maklum berkenaan cadangan untuk memberi penghargaan atau pengiktirafan kepada pegawai di JWP yang tidak pernah mengambil cuti sakit dalam satu-satu tahun.
- 5.2.2 Mesyuarat **bersetuju** supaya penghargaan dan pengiktirafan boleh dilaksanakan dengan memberi sijil kepada pegawai yang berkenaan.

**TINDAKAN: PSM, BKP**

## **6. HAL-HAL LAIN**

### **6.1 Mesyuarat MBJ JWP Bilangan 2 Tahun 2025**

- 6.1.1 Mesyuarat mengambil maklum berkenaan cadangan untuk mengadakan Mesyuarat MBJ JWP Bilangan 2 Tahun 2025 di luar pejabat. Peruntukan bagi mengadakan mesyuarat tersebut telah diambil kira dalam perancangan perbelanjaan tahun 2025 Seksyen PSM, BKP.
- 6.1.2 Mesyuarat **bersetuju** supaya Mesyuarat MBJ JWP Bilangan 2 Tahun 2025 diadakan bersekali semasa Borneo Flora Festival 2025 yang akan diadakan pada bulan Julai 2025. Wakil MBJ JWP serta urus setia MBJ boleh dilantik sebagai petugas semasa festival tersebut.

**TINDAKAN: PSM, BKP**

## **7. PENANGGUHAN MESYUARAT**

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.00 pagi dengan ucapan terima kasih daripada YBhg. Datuk Seri Pengerusi.

**MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN  
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
BILANGAN 1 TAHUN 2025**

Disediakan oleh:

  
**(NOORAZLINA BINTI MOHD NOOR)**

Setiausaha Pihak Pegawai

Tarikh: 2 / 05 / 2025

Dipersetujui oleh:

  
**(NURUL SYUHADA BINTI  
MOHD SHEFEE)**

Setiausaha Pihak Pekerja


Tarikh: 06 / 05 / 2025

Disemak oleh:

  
**(SUZANA BINTI ALIAS)**

Pengarah  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Tarikh: 6 / 05 / 2025

Diluluskan oleh:

  
-----  
**(DATUK SERI NORIDAH BINTI ABDUL RAHIM)  
PENGERUSI PIHAK PEGAWAI  
MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN  
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Tarikh: 07 / 05 / 2025

**HADIR (WAKIL PIHAK PEGAWAI)**

1. YBhg. Datuk Seri Noridah binti Abdul Rahim - Pengerusi  
Ketua Pengarah
2. YBhg. Datuk Ramlee bin Yatim  
Timbalan Ketua Pengarah  
(Perancangan dan Pembangunan)
3. Puan Suzana binti Alias  
Pengarah  
Bahagian Khidmat Pengurusan
4. Encik Mohamed bin Abdul Rahman  
Pengarah  
Bahagian Bahagian Pengurusan Pembangunan
5. Encik Noor Azman bin Muhammad Noor  
Pengarah  
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
6. Puan Mazurah binti Ismail  
Pengarah  
Bahagian Komunikasi Korporat
7. Puan Insyariza binti Ibrahim  
Penasihat Undang-Undang  
Pejabat Penasihat Undang-Undang
8. Encik Rizalman bin Shahbranda  
Ketua Integriti  
Unit Integriti

## **HADIR (WAKIL PIHAK PEKERJA)**

9. Encik Nazawandi bin Nazarudin  
Wakil Pekerja Gred 12  
Bahagian Perbandaran dan Khidmat Teknikal
10. Encik Ts. Sazrol Fadzli bin Bojeng  
Wakil Pekerja Gred 10  
Bahagian Pengurusan Maklumat
11. Puan Farah Liyana binti Zaini  
Wakil Pekerja Gred 9  
Bahagian Sosio Ekonomi
12. Puan Nurul Syuhada binti Mohd Syefee  
Wakil Pekerja Gred 9  
Bahagian Komunikasi Korporat
13. Puan Roslin binti Niyamil  
Wakil Pekerja Gred 2 - 4  
Bahagian Khidmat Pengurusan
14. Encik Mohd Syahir Akmal bin Shariff  
Wakil Pekerja Gred 2 - 4  
Bahagian Pengurusan Maklumat
15. Encik Mohamad Hafizzi bin Zulkifli  
Wakil Pekerja Gred 1  
Bahagian Komunikasi Korporat
16. Encik Khairul Onny Azfizul bin Muhamad Yusuf  
Wakil Pekerja Gred H1  
Bahagian Khidmat Pengurusan
17. Encik Muhammad Shuib bin Ramlan  
Wakil Pekerja Gred H1  
Bahagian Khidmat Pengurusan

## **TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

18. YBhg. Dato' Parang Abai @ Thomas  
Timbalan Ketua Pengarah  
(Pengurusan dan Sosio Ekonomi)
19. Encik Mohamed Sharif bin Mohamad Yaakob  
Pengarah  
Bahagian Sosio Ekonomi
20. Puan Wan Azilawati binti Wan Mahmood  
Pengarah  
Bahagian Perancangan dan Khidmat Teknikal
21. Puan Suzliyana Hanan binti Zanudin  
Pengarah  
Bahagian Kewangan
22. Puan Nik Zarina binti Nik Mat  
Pengarah  
Bahagian Pengurusan Maklumat
23. YBhg. Datin Zakiah Syerina Balqis binti Taha  
Wakil Pekerja Gred 12  
Bahagian Perancangan dan Khidmat Teknikal
24. Encik Muhammad Haziq bin Zainal @ Zainol  
Wakil Pekerja Gred 10  
Bahagian Kewangan
25. Encik Mohamad Faris bin Mas Hussin  
Wakil Pekerja Gred 5 – 8  
Bahagian Pengurusan Pembangunan
26. Puan Lizawati binti Hamzah  
Wakil Pekerja Gred 5 – 8  
Bahagian Kewangan
27. Puan Mariah Hafiza binti Ghazali  
Wakil Pekerja Gred 1  
Bahagian Khidmat Pengurusan

## **URUS SETIA**

28. Encik Saiful Yusnor bin Mohd Yusuf  
Timbalan Pengarah  
Seksyen Pengurusan Sumber Manusia  
Bahagian Khidmat Pengurusan
29. Puan Faizatul Rahayu binti Zakaria  
Ketua Penolong Pengarah  
Seksyen Pengurusan Sumber Manusia  
Bahagian Khidmat Pengurusan
30. Puan Noorazlina binti Mohd Noor  
Penolong Pengarah  
Seksyen Pengurusan Sumber Manusia  
Bahagian Khidmat Pengurusan
31. Cik Nor Amira binti Abu Bakar  
Penolong Pegawai Tadbir  
Seksyen Pengurusan Sumber Manusia  
Bahagian Khidmat Pengurusan
32. Encik Syahrul Rizal bin Othman  
Pembantu Tadbir Kanan (Perkeranian/Operasi)  
Seksyen Pengurusan Sumber Manusia  
Bahagian Khidmat Pengurusan
33. Cik Wan Rohaida binti Wan Zakaria  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)  
Seksyen Pengurusan Sumber Manusia  
Bahagian Khidmat Pengurusan

**USUL YANG TELAH DISELESAIKAN SECARA PENTADBIRAN PADA  
MESUARAT PRE-COUNCIL MBJ BIL.1 TAHUN 2025**

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>TINDAKAN</b>
1.	<p><b>LAWATAN PENANDAARASAN KE PEJABAT PENTADBIRAN SINGAPURA UNTUK GRED 12</b></p> <p>Pengalaman dan Ilmu Pengetahuan: Singapura dikenali dengan sistem pentadbiran yang cekap dan efektif. Lawatan ini dapat memberikan pengalaman langsung dan pengetahuan tentang bagaimana mereka menguruskan sumber daya dan membuat keputusan strategik.</p> <p>Inovasi dan Teknologi: Singapura sentiasa berada di barisan hadapan dalam penggunaan teknologi untuk meningkatkan pentadbiran. Lawatan ini boleh membantu memahami bagaimana teknologi digunakan untuk meningkatkan efisiensi dan kualiti perkhidmatan awam.</p> <p>Kerjasama dan Perundingan: Lawatan ini juga dapat memperluaskan rangkaian kerjasama antara Malaysia dan Singapura, memungkinkan pertukaran idea dan amalan terbaik dalam pentadbiran.</p> <p><b><u>Perbincangan:</u></b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat perancangan lawatan penandaarasan ke Bangkok, Thailand yang diurus setia oleh Bahagian Perbandaran dan Khidmat Teknikal (BPKT) bagi melihat pengurusan gelandangan, bencana, kemiskinan dan sebagainya.</p> <p>Walau bagaimanapun, berikutan kekangan dari segi peruntukan ke luar negara dan jumlah penyertaan pegawai yang ramai dalam satu-satu masa dikhawatiri akan menimbulkan persepsi yang</p>	PSM, BKP

	<p>tidak baik kepada pihak luar, usul ini tidak dapat dilaksanakan memandangkan telah ada lawatan penandaarasan yang hampir sama objektifnya.</p> <p><b><u>Keputusan mesyuarat:</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju usul ini diselesaikan secara pentadbiran.</p>	
2.	<p><b>PENAWARAN KURSUS UNTUK INDIVIDU YANG DIANUGERAHKAN ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG JABATAN</b></p> <p>Memberi galakan dan motivasi kepada individu untuk menjadi lebih cemerlang setiap 6 bulan.</p> <p>Kursus tidak terhad kepada yang berkaitan tugas dan perlu ada had masa.</p> <p><b><u>Perbincangan:</u></b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa usul ini telah dibawa semasa Mesyuarat MBJ Bilangan 2 Tahun 2024.</p> <p><b><u>Keputusan mesyuarat:</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju usul ini digugurkan.</p>	<b>MAKLUMAN</b>
3.	<p><b>PEMILIHAN PEGAWAI BERTUGAS HARIAN (PBH) PARLIMEN PERLU DIPUTUSKAN OLEH PENGARAH BAHAGIAN MASING-MASING</b></p> <p>Pemilihan Pegawai Bertugas Harian (PBH) Parlimen perlu diputuskan oleh Pengarah Bahagian masing-masing sebelum dilantik bukannya dipilih secara rawak/diputuskan oleh Unit Parlimen pada setiap sesi.</p> <p>Menambah baik tatacara/ panduan sedia ada bagi memudahcara urusan pegawai ketika bertugas terutamanya pewujudan pegawai pool (simpanan) bagi menggantikan pegawai-pegawai yang tidak dapat bertugas pada saat akhir. Perlu libatkan semua pegawai dari gred 5 hingga gred 12 setiap</p>	<b>BDPS</b>

	<p>bahagian sebagai PBH.</p> <p><b><u>Perbincangan:</u></b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa Unit Jemaah Menteri dan Parlimen (UJMP), Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDPS) telah menyediakan manual bagi PBH Parlimen termasuk tatacara dan borang pertukaran pegawai bertugas. Berdasarkan kaedah pelantikan PBH Parlimen pada masa ini, UJMP, BDPS akan mengeluarkan jadual bertugas pegawai lebih awal supaya pegawai dapat membuat perancangan awal.</p> <p>Mesyuarat mencadangkan supaya pelantikan PBH Parlimen adalah dicalonkan oleh Pengarah Bahagian dan sekiranya pegawai tersebut tidak dapat bertugas pada tarikh yang telah ditetapkan, Pengarah Bahagian diberi kuasa untuk memilih pegawai dari Bahagian yang sama untuk menggantikan PBH Parlimen asal tersebut.</p> <p><b><u>Keputusan mesyuarat:</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju usul ini diselesaikan secara pentadbiran.</p>	
4.	<p><b>PENCAHAYAAN/ LAMPU DI KAWASAN ATRIUM PERLU BEROPERASI SEWAKTU CUACA/ HARI GELAP</b></p> <p>Meminta supaya pencahayaan/ lampu di kawasan atrium beroperasi sewaktu cuaca/ hari gelap (seperti waktu awal pagi, lewat petang atau hari hujan lebat) supaya kawasan tersebut diterangi cahaya yang mencukupi pada waktu-waktu tersebut.</p> <p><b><u>Perbincangan:</u></b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa bumbung atrium adalah direka untuk pencahayaan semula jadi. Bumbung tersebut telah digelapkan kerana cahaya matahari menyebabkan suhu yang panas di atrium.</p>	SPK, BKP

	<p>Pihak SPK, BKP telah berhubung dengan pihak kontraktor penyelaras bangunan Menara Seri Wilayah berhubung perkara ini dan tindakan sewajarnya akan diambil.</p> <p><b><u>Keputusan mesyuarat:</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju usul ini diselesaikan secara pentadbiran.</p>	
5.	<p><b>HARI KELUARGA JWP/ SUKAN INTEGRASI</b></p> <p>Cadangan untuk mengadakan hari keluarga JWP pada hari minggu atau Sukan Integrasi seperti tahun lepas untuk melaksanakan aktiviti bersama bagi mengeratkan silaturrahim dan berkenalan-kenalan sesama warga JWP.</p> <p><b><u>Perbincangan:</u></b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa KESWIP telah merancang untuk mengadakan Hari Keluarga dan Sukan Integrasi pada tahun 2025. Namun pelaksanaan adalah tertakluk kepada peruntukan KESWIP.</p> <p><b><u>Keputusan mesyuarat:</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju usul ini diselesaikan secara pentadbiran.</p>	KESWIP
6.	<p><b>UNIT LATIHAN PERLU MEMINTA SENARAI KURSUS YANG DIPERLUKAN OLEH SETIAP BAHAGIAN MAKSIMUM DUA KURSUS UNTUK DILAKSANAKAN PADA TAHUN TERSEBUT YANG BERKAITAN DENGAN BIDANG TUGAS BAHAGIAN</b></p> <p>Lebih relevan untuk meminta setiap bahagian menyenaraikan kursus yang diperlukan yang bersesuaian dengan bidang tugas dan belum lagi dianjurkan sebelum ini untuk memastikan objektif penganjuran kursus bagi membangunkan prestasi warga kerja JWP tercapai.</p>	PSM, BKP

	<p><b><u>Perbincangan:</u></b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa PSM telah memohon cadangan kursus dari setiap Bahagian pada setiap tahun. Perancangan kursus juga turut mengambil kira cadangan daripada WPP MBJ JWP.</p> <p><b><u>Keputusan mesyuarat:</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju usul ini diselesaikan secara pentadbiran.</p>	
7.	<p><b>HARI MELAWAT BAHAGIAN/ UNIT DI JWP</b></p> <p>Memberi peluang kepada warga dari bahagian/ unit lain untuk mengetahui fungsi bahagian / aktiviti / program / bidang tugas / skop bahagian/ peranan bahagian di JWP.</p> <p>Memberi input/gambaran awal kepada warga yang berkemungkinan akan bertukar ke bahagian/unit berkenaan mengenai bidang tugas yang bakal dilaksanakan.</p> <p>Memberi peluang kepada warga untuk mengenali pegawai-pegawai bahagian beserta bidang tugas pegawai bagi memudahkan urusan kerja kelak.</p> <p><b><u>Perbincangan:</u></b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa usul Program Hari Terbuka di Peringkat Bahagian-Bahagian JWP telah dibawa ke MBJ Bilangan 1 Tahun 2023. Setakat ini cuma dua (2) Bahagian sahaja yang telah melaksanakan Hari Terbuka Bahagian iaitu Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Bahagian Pengurusan Maklumat.</p> <p><b><u>Keputusan mesyuarat:</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju usul ini dibawa ke MBJ Bilangan 1 Tahun 2025.</p>	PSM, BKP

8.	<p><b>PELEPASAN AWAL SEMPENA CUTI PERAYAAN</b></p> <p>Mohon ehsan dan pertimbangan daripada pengurusan atasan supaya dapat memberi pelepasan awal sekurang-kurangnya 3.00 petang kepada warga jabatan bagi perayaan yang disambut seperti yang diamalkan oleh kebanyakan kementerian lain.</p> <p><b>Justifikasi:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengurangkan kesesakan lalu lintas</li> <li>ii. Penjimatan tenaga elektrik jabatan</li> <li>iii. Kebajikan dan kesejahteraan kakitangan</li> </ul> <p><b>Perbincangan:</b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa perkara ini melibatkan dasar Kerajaan dan semua penjawat awam adalah tertakluk pada waktu bekerja yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Waktu Bekerja.</p> <p><b>Keputusan mesyuarat:</b></p> <p>Mesyuarat bersetuju usul ini digugurkan.</p>	PSM, BKP
9.	<p><b>MELAKSANAKAN PUSINGAN KERJA (PERTUKARAN DALAMAN) BAGI TEMPOH PERKHIDMATAN 5 TAHUN KE ATAS</b></p> <p>Untuk memberi pendedahan kepada warga kerja JWP mengenai bidang tugas bahagian lain dan menambah pengetahuan sedia ada.</p> <p><b>Perbincangan:</b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa pelaksanaan pusingan kerja merupakan dasar sedia ada yang dilaksanakan di JWP selaras dengan Pekeliling semasa yang berkuat kuasa.</p>	MAKLUMAN

	<p><b><u>Keputusan mesyuarat:</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju usul ini digugurkan.</p>	
10.	<p><b>MENUBUHKAN PASUKAN E-SUKAN UNTUK STAF JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN SELARI DENGAN PEREDARAN ZAMAN YANG DIPENGARUHI TEKNOLOGI DAN DIGITALISASI</b></p> <p>E-sukan, sebagai industri global yang berkembang pesat, memberikan peluang kepada staf untuk terlibat dalam aktiviti relevan dan meningkatkan daya saing, kreativiti, serta semangat berpasukan. Dengan menyertai pertandingan, jabatan bukan sahaja kekal relevan tetapi juga menyumbang kepada pembangunan industri e-sukan negara sambil memupuk kemahiran warga kerja.</p> <p><b><u>Perbincangan:</u></b></p> <p>KESWIP menyambut baik cadangan pihak WPP untuk menubuhkan pasukan e-sukan di Jabatan ini dan akan meneliti jenis sukan yang bersesuaian.</p> <p>Pihak KESWIP akan membuka pendaftaran kepada semua ahli KESWIP yang berminat apabila perkara ini dimuktamadkan.</p> <p><b><u>Keputusan mesyuarat:</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju usul ini diselesaikan secara pentadbiran.</p>	KESWIP
11.	<p><b>MEMBERI ANUGERAH KEPADA PEKERJA YANG TIDAK PERNAH CUTI SAKIT DALAM TAHUN TERSEBUT</b></p> <p>Memberi penghargaan dan motivasi kepada warga kerja untuk kekal aktif dan mengamalkan hidup sihat.</p> <p><b><u>Perbincangan:</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju bahawa penghargaan boleh diberikan kepada pekerja yang tidak pernah</p>	PSM, BKP

	<p>menggunakan cuti sakit.</p> <p><b><u>Keputusan mesyuarat:</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju usul ini dibawa ke MBJ Bilangan 1 Tahun 2025.</p>	
12.	<p><b>KURSUS YANG MEMFOKUSKAN PEMANDU DAN PKA SAHAJA TANPA PENYERTAAN PEGAWAI YANG LAIN</b></p> <p>Bagi membangunkan prestasi pemandu dan PKA.</p> <p><b><u>Perbincangan:</u></b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa Deskripsi Tugas (JD) bagi Pembantu Khidmat Am (PKA) sedang dalam perbincangan akhir bersama pihak JPM. Sebarang kursus berkenaan PKA akan dibincangkan setelah JD tersebut dimuktamadkan.</p> <p><b><u>Keputusan mesyuarat:</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju usul ini diselesaikan secara pentadbiran.</p>	PSM, BKP
13.	<p><b>MOHON DITELITI SEMULA JADUAL PEMANDU SEDIA ADA TANPA MEMBEBANKAN PKA SEBAGAI PEMANDU</b></p> <p>PKA terlalu kerap diberi tugas bawa kenderaan, mohon diteliti semula jadual pemandu di mana terlalu banyak ruang rehat pemandu. Sebagai contoh, jadual kerja pagi hingga tengahari atau jadual tugas bermula petang yang mana tempoh setengah hari itu sepatutnya boleh menerima kerja/tugasan memandu lain.</p> <p><b><u>Perbincangan:</u></b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa jadual PKA yang menjalankan tugas sebagai pemandu telah diatur tujuan dan tempat pada setiap hari mengikut tempahan di dalam sistem tempahan kenderaan JWP.</p>	SPK, BKP

	<p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa terdapat permohonan daripada sesuatu Bahagian supaya PKA yang bukan tugas hakikinya memandu untuk memandu kenderaan ke sesuatu destinasi sekiranya berlaku kekurangan pemandu kenderaan Jabatan.</p> <p>Mesyuarat mencadangkan supaya PKA yang ditugaskan untuk memandu boleh berbincang dengan penyelia masing-masing sekiranya terdapat sebarang masalah atau pertindihan tugasan.</p> <p><b><u>Keputusan mesyuarat:</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju usul ini diselesaikan secara pentadbiran.</p>	
--	--	--

